

11/07/2000

Dasar ekonomi faktor utama pacu negara ke puncak

Hampri Luaran

KITA seringkali mengeluarkan perkataan 'ekonomi' dalam kehidupan kita seharian atau pun dalam perbualan di warung-warung sehinggalah pada peringkat Dewan Negara dan Parlimen. Apakah maksud perkataan 'ekonomi' itu sebenarnya? Menurut tafsiran mudah perkataan ekonomi itu merujuk kepada perlakuan manusia dalam memperuntukkan sumber yang terhad bagi memenuhi keperluan dan kehendak yang tidak terhad. Contoh yang paling mudah ialah bagaimana seseorang individu misalnya yang bergaji RM700 sebulan membelanjakan atau pun menyimpan pendapatan (ditolak cukai) yang diperolehnya.

Perkataan ekonomi ini menyentuh semua aspek kehidupan dan semua golongan manusia yang hidup, yang mana ekonomi merentas semua aspek kehidupan manusia, iaitu dari sekecil-kecil individu, keluarga, syarikat kecil, syarikat besar malahan sehinggalah kepada ekonomi sesebuah negara.

Kenapakah semua orang bimbang bila ekonomi negara merosot dan hampir semua orang gembira bila ekonomi sesebuah negara dikatakan meningkat? Jawapannya mudah. Ekonomi adalah sebahagian daripada kehidupan. Kejatuhan ekonomi sesebuah negara sudah pasti akan memberi kesan buruk kepada penduduknya. Krisis ekonomi yang melanda negara kita tiga tahun lalu telah membawa kesusahan kepada hampir semua rakyat negara kita. Seorang rakan yang dulunya berkerja dalam pejabat berhawa dingin menukar kerjayanya menjadi penjual burger dan bermacam kerja lagi untuk menampung kehidupannya.

Ekonomi juga berkait rapat dengan membuat keputusan dalam kehidupan kita seharian terutama yang berkaitan dengan wang. Orang seringkali melabelkan Bumiputera adalah golongan yang lemah dalam membuat keputusan penggunaan wang mereka berbanding kaum lain. Seorang rakan yang menjalankan perniagaan menjual makanan di tepi jalan yang pada mulanya berjaya akhirnya kecundang juga kerana gagal dalam mengurus kewangan. Antara faktor penyebab ialah rakan itu membelanjakan hampir 60 peratus keuntungan sehari untuk makan di luar dan jarang sekali memasak di rumah.

Syarikat-syarikat pula harus membuat keputusan dalam perniagaan mereka bergantung kepada keadaan ekonomi semasa sesebuah negara. Dalam hal ini mereka sering melihat indeks bursa saham sebagai petunjuk kemajuan sesebuah negara. Dalam ekonomi rakyat atau penduduk sesebuah negara adalah aset terpenting kepada syarikat perniagaan kerana mereka adalah sumber bekalan tenaga buruh kepada sesebuah perusahaan seperti kilang dan sebagainya. Laporan akhbar baru-baru ini yang mengatakan ramai graduan menganggur adalah disebabkan oleh penawaran graduan yang lebih banyak berbanding pekerjaan yang wujud di pasaran. Fenomena peluang pekerjaan ini jugalah antara faktor petunjuk kepada kemajuan ekonomi sesebuah negara.

Fenomena graduan menganggur ini ialah satu keadaan yang mana ekonomi kita sedang dalam proses pemulihan. Kebanyakan graduan yang memperoleh pekerjaan adalah mereka yang memiliki keputusan cemerlang serta memiliki kemahiran atau pengalaman yang diperlukan oleh majikan. Jika ekonomi kembali pulih sepenuhnya, pengangguran ini tidak akan berlaku malah graduan ijazah am atau kelas tiga boleh mendapat pekerjaan pada bila-bila masa saja. Antara sebab inilah negara kita dibanjiri oleh pendatang tanpa izin untuk mencari kerja ketika ekonomi negara berada di puncaknya.

Golongan buruh ini termasuk pekerja kolar biru dan putih adalah penyumbang utama kemajuan sesebuah negara. Dalam pusingan ekonomi golongan buruh akan mendapat gaji atau pendapatan mereka dalam bentuk wang. Oleh

itu sebarang perbelanjaan mereka misalnya membeli baju, kasut, telefon bimbit dan sebagainya akan memberikan pendapatan kepada kilang atau firma yang mengeluarkan barangan itu. Ini seterusnya akan memberikan pendapatan kepada firma dalam bentuk keuntungan. Dengan keuntungan yang diperoleh itu, kerajaan bolehlah mendapat pendapatan melalui pungutan cukai syarikat. Oleh itu tidak hairanlah bila kerajaan melancarkan pelbagai kempen menggalakkan rakyat berbelanja misalnya kempen pemilikan rumah, kempen jualan murah dan sebagainya. Satu sen yang dibelanjakan oleh setiap penduduk negara ini akan membantu negara membangunkan ekonominya.

Ramai tokoh akademik yang menggelarkan diri mereka pakar ekonomi dan bermacam gelaran serta persepsi terhadap golongan ini, sejak zaman ahli ekonomi barat lagi misalnya Adam Smith, Karl Marks (tokoh fahaman Komunis) dan ramai lagi. Ahli ekonomi biasanya akan memberi pendapat mereka kepada kerajaan sesebuah negara, mengenai bagaimana harus sistem ekonomi sesebuah negara itu berfungsi agar ia sentiasa dalam keadaan yang stabil, bergantung kepada fahaman dan ideologi yang dianuti. Ini jelas bila sesebuah negara itu mengamalkan sistem ekonomi yang berbeza misalnya Amerika Syarikat dengan sistem ekonomi bebas, China dengan sistem ekonomi tertutup mahu pun negara kita dengan sistem ekonomi campurannya. Dalam hal ini kita boleh mengandaikan ekonomi sesebuah negara itu seolah-olah seperti tubuh manusia dan dirawat oleh seorang atau sekumpulan pakar ekonomi yang bertindak seolah-olah seperti doktor, mengubati mana yang sakit dan merawat tubuh yang dijangkiti penyakit.

Pada zaman ini ilmu ekonomi bukan saja dimiliki oleh pelajar, mahasiswa atau pensyarah ekonomi malah boleh dipelajari oleh mereka yang berminat. Sebagai contoh yang mudah ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Meski pun beliau memiliki kelayakan dalam bidang perubatan, beliau mampu membuat keputusan berkaitan ekonomi negara apabila beliau mengekalkan nilai ringgit pada paras RM3.8 untuk AS\$1. Tindakan beliau ini mendapat pelbagai cemuhan ahli ekonomi Barat atau tempatan. Antara tokoh ekonomi Barat yang menyokong tindakan PM ialah Prof Paul Krugmen seorang pensyarah Amerika Syarikat, namun ia ditentang kuat oleh salah seorang 'guru' kepada Paul Krugman iaitu Dornbusch, dengan mengatakan penetapan nilai adalah tindakan tidak bijak. Faktor pemasaran adalah penting dalam ekonomi oleh itu hanya masa saja yang dapat membuktikan kesan tindakan yang diambil oleh negara kita.

Ekonomi akan terus hidup dan wujud dalam kehidupan kita seharian dan sampai bila-bila. Bagaimana pun sebarang keputusan yang diambil dalam ekonomi akan membabitkan jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Sesuatu dasar ekonomi yang diambil sekarang mungkin sudah tidak sesuai lagi untuk beberapa tahun akan datang ataupun esok.